

BAB 3

PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT DESA DI KABUPATEN SIAK

3.1 Pendahuluan

Pemerintah Daerah Kabupaten Siak sentiasa berusaha membangunkan perekonomian masyarakat desa secara menyeluruh. Pemerintah juga amat menyedari di mana faktor modal adalah penghambat kelancaran aktiviti ekonomi masyarakat desa selama ini. Untuk mengatasi masalah tersebut, pemerintah telah menyediakan berbagai-bagai produk dalam bentuk skim yang ditawarkan kepada masyarakat untuk menyokong aktiviti ekonomi mereka di pelbagai bidang. Program pembangunan ekonomi dalam bentuk pelbagai skim tersebut dijangkakan akan dapat membantu pertumbuhan ekonomi daerah di pelbagai kawasan. Oleh itu, bab ini akan mendedahkan tatacara pelaksanaan pelbagai skim yang sedang dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada masa ini. Skim-skim berkenaan ialah skim kredit lunak yang dijalankan di sektor pertanian, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana, dan industri kecil sederhana. Skim kredit dengan sistem hasil di sektor perkebunan, skim pembiayaan dengan sistem hasil di sektor perikanan, skim kredit jentera pertanian dan haiwan ternakan, terakhir adalah tatacara pelaksanaan skim pinjaman haiwan ternakan.

3.2 Program Pembangunan Ekonomi Masyarakat Desa Di Kabupaten Siak

3.2.1 Skim Kredit Lunak

Skim kredit lunak adalah pinjaman yang diberikan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak kepada masyarakat desa dengan kadar faedah (*interest*) rendah. Tatacara pelaksanaan skim ini berbeza antara sektor pertanian, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana, dan industri kecil sederhana.

(1) Sektor Pertanian

Skim kredit lunak di sektor pertanian dan perkebunan mula dilaksanakan pada Ogos 2002. Jenis usaha yang dibiayai dalam program ini adalah tanaman padi, jagung dan kacang buncis. Sedangkan tempoh pinjaman adalah 2 tahun dengan kadar faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setiap tahun. Berkenaan dengan tatacara pelaksanaan daripada skim ini adalah seperti berikut :¹

i) Syarat-syarat peminjam

Syarat-syarat calon penerima pinjaman ialah :

1. Setiap petani yang akan menggunakan skim kredit lunak tersebut mestilah terlebih dahulu berdaftar sebagai anggota kelompok tani. Skim kredit lunak yang diberikan oleh pemerintah adalah atas nama kelompok tani dan bukannya orang perseorangan. Ini bermakna, para petani bertanggungjawab untuk membayar balik pinjaman di atas nama


¹ Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak (2002), *Petunjuk Teknis Pelaksanaan Bantuan Permodalan Pola Kredit Proyek Lingkup Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak Tahun Anggaran 2002*. Siak Sri Indrapura : Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak, h. 1-19.

kelompok. Kelompok tani yang ditubuhkan itu mesti memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai ahli sebanyak 5 hingga 16 orang dan berperanan aktif dalam projek berkenaan.
 - ii. Mempunyai peraturan kelompok yang disepakati oleh seluruh ahli serta pentadbiran yang tertib dan lengkap.
 - iii. Mengadakan pertemuan secara teratur untuk membincangkan hal-hal yang dianggap perlu.
 - iv. Bersedia mengadakan tabungan minimum sebanyak 2 peratus dari jumlah pinjaman.
2. Petani yang boleh mengajukan permohonan untuk mendapatkan skim kredit lunak tersebut adalah petani yang memiliki kawasan atau tanah pertanian dan sekaligus berperanan sebagai pengusaha tanah berkenaan. Begitu juga dengan petani yang tidak memiliki kawasan atau tanah pertanian namun ia mengolah atau mengusahakan tanah orang lain.
 3. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun atau sudah berkahwin.
 4. Memiliki kesedaran untuk bertanggungjawab.
 5. Bersedia untuk mengikuti petunjuk dan mematuhi ketentuan teknikal pelaksanaan projek berkenaan sebagaimana yang telah diajarkan dalam kursus-kursus yang diadakan sebelumnya.
 6. Petani berkenaan adalah penduduk tetap.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim kredit lunak di sektor pertanian

Rajah 3.1 : Prosedur skim kredit lunak di sektor pertanian



Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.1 di atas, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan pinjaman kredit lunak di sektor pertanian ialah seperti berikut :

1. Kelompok tani mengajukan permohonan pinjaman modal dengan membuat Rencana Keperluan Kelompok Tani (RKKT) yang dibimbing oleh Petugas Penyuluh Lapangan (PPL). Kandungan RKKT tersebut adalah berkenaan dengan perancangan-perancangan yang dibuat oleh anggota kelompok tani mengenai usaha pertanian yang akan mereka jalankan dan kegunaan skim kredit lunak yang akan diberikan oleh pemerintah. RKKT yang telah dibuat itu mesti ditandatangani oleh seluruh anggota kelompok tani. Kelompok tani juga harus mengisi dan menandatangani beberapa borang yang telah disediakan antara lain :

- i. Surat kuasa anggota kepada pengurus kelompok.
 - ii. Surat akuan yang menyatakan bahawa pembayaran balik pinjaman modal adalah tanggungjawab bersama.
 - iii. Surat akuan pinjaman modal.
 - iv. Surat akuan berkenaan dengan kesanggupan membayar balik pinjaman.
 - v. Surat keterangan bahawa petani tidak mendapat pinjaman dari pihak lain dan bukan peminjam bermasalah pada institusi kewangan tertentu.
2. Permohonan yang dibuat oleh kelompok tani setelah diteliti oleh PPL akan disampaikan kepada petugas teknikal kecamatan untuk diperiksa dan diteliti kembali. Jika dianggap perlu, petugas teknikal kecamatan akan turun ke lapangan bagi memastikan kesesuaian tanah dengan komoditi yang akan dikembangkan ataupun untuk menentukan persiapan dan kecakapan petani yang akan menerima pinjaman.
 3. Petugas teknikal kecamatan mengumpulkan semua permohonan yang masuk dan selanjutnya disampaikan kepada petugas teknikal kabupaten.
 4. Petugas teknikal kabupaten memeriksa dan meneliti permohonan yang telah diterima dan selanjutnya disampaikan kepada Jabatan Pertanian dan Perkebunan untuk mendapatkan persetujuan.
 5. Permohonan yang telah dipersetujui oleh Jabatan Pertanian dan Perkebunan disampaikan kepada pimpinan projek untuk diproses pencairan dana pinjaman. Pimpinan projek berkenaan akan memeriksa dan meneliti permohonan yang diajukan tersebut. Selanjutnya dikeluarkan Surat Permintaan Pembayaran (SPP) yang disampaikan kepada bahagian

kewangan Pemerintah Daerah Kabupaten Siak.

6. Atas dasar SPP tersebut, bahagian kewangan Pemerintah Daerah Kabupaten Siak akan mengeluarkan Surat Perintah Membayar (SPM) untuk memindahkan wang dari akaun bahagian kewangan ke akaun bendahari projek berkenaan.
7. Bendahari projek akan memindahkan wang tersebut ke akaun kelompok tani di Bank Pembangunan Daerah Cawangan Siak sesuai dengan jumlah dana yang dipersetujui.

iii) Pembayaran balik pinjaman

Adapun tatacara pembayaran balik pinjaman adalah seperti berikut :

1. Pembayaran balik pinjaman mesti dilakukan sendiri oleh kelompok yang berkenaan di Bank Pembangunan Daerah Cawangan Siak sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan.
2. Pembayaran balik pokok pinjaman dilakukan setiap tahun beserta faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setahun (2 peratus sebagai caj perkhidmatan dan bakinya 1 peratus untuk Pendapatan Asli Daerah).
3. Bukti pembayaran mesti disampaikan kepada Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak.
4. Tanggungjawab untuk membayar balik pinjaman adalah tanggungjawab bersama di antara sesama anggota kelompok.
5. Apabila terjadi musibah yang disebabkan oleh kegagalan usaha yang dijalankan, maka pengurus kelompok dengan bimbingan PPL akan segera melaporkan kegagalan tersebut secara bertulis kepada petugas

teknikal kabupaten dan kecamatan, disertai dengan berita terjadinya musibah yang diketahui oleh PPL dan Kepala Desa. Petugas teknikal segera meneliti laporan tersebut dan apabila dianggap perlu maka petugas yang berkenaan akan turun ke lapangan untuk membuktikan kebenaran laporan tersebut bagi mendapatkan data-data dan informasi yang lengkap. Petugas teknikal kabupaten dan kecamatan akan membuat keputusan sebagai berikut :

- i. Kelompok tetap dikehendaki untuk membayar balik pinjaman apabila musibah tersebut dinilai kerana kesalahan kelompok.
- ii. Melanjutkan tempoh pembayaran apabila kelompok tersebut masih mampu mengembalikan pinjaman.
- iii. Memberi pinjaman tambahan, jika dengan pinjaman tambahan tersebut kelompok masih mampu untuk melanjutkan usaha sehingga dapat membayar balik semua pinjaman.

iv) Pelaksanaan skim kredit lunak di sektor pertanian

Jadual 3.1 : Skim kredit lunak untuk pengembangan kacang buncis tahun 2002

Kecamatan	Desa	Luas (hektar)	Jumlah pinjaman (Juta Rp)
Bunga Raya	Bunga Raya	15	11.175

Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.1 di atas, didapati bahawa skim kredit lunak yang telah dijalankan oleh pemerintah bagi mengembangkan tanaman kacang buncis adalah sebanyak Rp 11.175 juta dengan luas tanah 15 hektar

di desa Bunga Raya.

Jadual 3.2 : Skim kredit lunak untuk pengembangan *jagung hebrida* tahun 2002

Kecamatan	Desa	Luas (hektar)	Jumlah Pinjaman (juta Rp)
Bunga Raya	Jati Baru	19	39.91
	Jaya Pura	15	28.35
	Tuah Indrapura	15	28.35
	Buatan Lestari	30	56.70
Siak	Langkai	45	85.05
Bunga Raya	Kemuning Muda	15	5.67
Jumlah	6 desa	139	244.03

Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, didapati skim kredit lunak telah dilaksanakan oleh pemerintah di enam desa, dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang diberikan kepada masyarakat bagi mengembangkan tanaman *jagung hebrida* sebanyak Rp 244.03 juta dengan luas kawasan pertanian 139 hektar.

Jadual 3.3 : Skim kredit lunak untuk pengembangan padi tahun 2002

Kecamatan	Desa	Luas Kawasan (hektar)	Jumlah pinjaman (Juta Rp)
Bunga Raya	Bunga Raya	300	119.24
	Jati Baru	300	162.6
	Jayapura	200	108.4
Sungai Apit	Rempak	250	135.5
	Belading	151	81.842
Jumlah	5 desa	1 201	607.582

Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.3, didapati jumlah pinjaman secara keseluruhan sebesar Rp 607.582 juta dengan luas tanah 1 201 hektar yang terdapat di lima desa.

(2) Sektor Perikanan

Pembangunan sektor Perikanan di Kabupaten Siak juga menggunakan skim kredit lunak sebagaimana pembangunan sektor-sektor lain. Namun demikian, sumber kewangannya adalah berasal daripada Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah (APBD) Tingkat I Propinsi Riau tahun 2002. Skim kredit lunak di sektor perikanan ini mula dilaksanakan pada Februari 2003. Sedangkan tempoh pembayaran balik pinjaman adalah 5 tahun dengan kadar faedah (*interest*) 3 peratus setiap tahun. Bagi memahami tatacara pelaksanaan skim kredit lunak di sektor perikanan, perlu disemak beberapa hal berikut ini iaitu :²

i) Syarat-syarat peminjam

1. Peminjam mesti seorang nelayan atau penternak ikan.
2. Mendapat persetujuan daripada Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak.
3. Penerima pinjaman mesti menubuhkan kelompok-kelompok usaha.
4. Calon peminjam mesti memenuhi beberapa syarat seperti berdaftar sebagai anggota kelompok, berumur antara 17 hingga 50 tahun atau sudah berkahwin, jumlah ahli dalam satu kelompok paling kurang 5 orang.

² Pemerintah Daerah Propinsi Riau Dinas Perikanan dan Kelautan Propinsi Riau (2002), *Petunjuk Teknis Pinjaman Modal Ekonomi Kerakyatan Sub Sektor Perikanan dan Kelautan Tahun Anggaran 2002*. Pekanbaru : Dinas Perikanan dan Kelautan Propinsi Riau, h. 1-12.

5. Peminjam juga dikehendaki mematuhi beberapa ketentuan iaitu :
- i. Bersedia untuk menandatangani surat perjanjian.
 - ii. Bukan sedang menerima bantuan modal daripada institusi kewangan lain.
 - iii. Penternakan ikan hendaklah menggunakan sistem *tambak*,³ *keramba*,⁴ *jaring apung*,⁵ ataupun bidang usaha yang berkenaan dengan pengolahan hasil ikan, pemasaran ikan, kolam, penangkapan ikan dan pemeliharaan rumput laut.
 - iv. Status pemilikan kawasan tapak projek adalah jelas dan tidak bermasalah.
 - v. Peralatan-peralatan perikanan yang telah dimiliki sebelumnya tidak mencukupi atau masih kurang.
 - vi. Usaha yang akan dibiayai tersebut mempunyai masa depan yang cerah dan dapat dikembangkan sesuai dengan permintaan pasaran.
6. Senarai nama yang akan menerima pinjaman modal tersebut mesti dipersetujui oleh Jabatan Perikanan Kabupaten Siak dan Jabatan Perikanan dan Kelautan Propinsi Riau serta Bank Pembangunan Daerah.
7. Penerima pinjaman modal hendaklah mengikuti beberapa peraturan seperti yang disebutkan di bawah ini, iaitu :
- i. Menghadiri musyawarat kelompok.
 - ii. Mengajukan rencana keperluan pinjaman modal.
 - iii. Menandatangani surat akuan pinjaman.

³ Tambak adalah kolam ikan yang dibuat dengan cara menggali tanah.


⁴ Keramba adalah kandang ikan yang terbuat daripada kayu atau bahan *polythilen*, kemudian kandang ikan tersebut diletakkan di dalam sungai yang mengalir.

⁵ Jaring apung adalah kandang ikan yang terbuat dari *nylon* dan diletakkan di dalam sungai yang mengalir.

- iv. Menandatangani surat akuan pinjaman modal yang dibuat bank dan dipersetujui oleh Ahli Jawatankuasa kelompok.
- v. Menggunakan modal yang dipinjam tersebut sesuai dengan arahan daripada Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak serta Jabatan Perikanan dan Kelautan Propinsi Riau.
- vi. Mengembalikan pinjaman modal sesuai dengan waktu yang telah ditentukan.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim kredit lunak di sektor perikanan

Rajah 3.2 : Prosedur skim kredit lunak di sektor perikanan



Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.2 di atas, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan pinjaman kredit lunak di sektor perikanan ialah seperti berikut :

1. Peminjam dengan persetujuan Jabatan Penternakan dan Perikanan Tingkat Kabupaten membuat Recana Definitif Keperluan Kelompok (RDKK), dan diserahkan kepada Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak.
2. Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak akan memeriksa permohonan berkenaan bagi memastikan syarat yang telah ditetapkan telah

dipenuhi oleh peminjam. Setelah itu, Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak akan menerbitkan rekomendasi atas permohonan tersebut dan disampaikan kepada Jabatan Perikanan dan Kelautan Tingkat I Propinsi Riau.

3. Setelah permohonan diterima oleh Jabatan Perikanan dan Kelautan Tingkat I Propinsi Riau, maka jabatan berkenaan akan membuat rekomendasi bagi mencairkan dana pinjaman di Bank Pembangunan Daerah Cawangan Siak, serta diserahkan kepada masyarakat.

iii) Pembayaran balik pinjaman

Tatacara pembayaran balik pinjaman ialah seperti berikut :

1. Setiap anggota kelompok yang menerima pinjaman modal mesti membayar balik sejumlah pinjaman pokok ditambah dengan faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setahun (0.25 peratus setiap bulan).
2. Selama *masa tengang*⁶ enam bulan, peminjam hanya dikehendaki membayar faedah (*interest*) sahaja iaitu sebanyak 0.25 peratus setiap bulan.
3. Pembayaran balik pokok pinjaman hanya dua kali setahun iaitu pada bulan ketujuh dan bulan keduabelas.
4. Masa tengang (*grace priode*) yang telah ditetapkan selama 6 bulan bermula semenjak ditandatangani akad kredit.
5. Setiap usaha yang menggunakan modal pinjaman dikehendaki menggunakan peralatan dan teknologi yang dipersetujui oleh pemerintah.

⁶ Masa tenggang adalah masa di mana peminjam tidak dikehendaki untuk membayar pinjaman dalam masa tersebut atau disebut juga dengan masa rehat.

iv) Pelaksanaan skim kredit lunak di sektor perikanan

Jadual 3.4 : Skim kredit lunak di sektor perikanan tahun 2002

Kecamatan:	Desa	Jumlah pinjaman (Juta Rp)
Tualang	Pinang Sebatang	100
Kerinci Kanan	Bukit Agung	90
Minas	Minas Timur	210
Siak	Benteng Hulu	36
Dayun	Merangkai	64
Jumlah	5 desa	500

Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.4 di atas, didapati Pemerintah Daerah Tingkat I Propinsi Riau telah memberikan dana pinjaman sebanyak Rp 500 juta bagi mengembangkan penternakan ikan air tawar di lima desa.

(3) Sektor Koperasi dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)

Skim kredit lunak di sektor koperasi dan PKS, mula dilaksanakan pada Disember 2001 (Tahun Anggaran 2001) dan Disember 2002 (Tahun Anggaran 2002). Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah 3 tahun dengan kadar faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setiap tahun. Bagi mengetahui tatacara pelaksanaan skim kredit lunak di sektor koperasi dan PKS, dapat disimak beberapa hal seperti berikut:⁷

⁷ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak (2002), *Keputusan Bupati Siak Nomor 213 Tahun 2002 Tentang Penunjukkan Tim Teknis Kredit Penyaluran Dana Kredit APBD Tahun Anggaran 2002 Kabupaten Siak*. Siak Sri Indrapura : Pemda Tk. II Kabupaten Siak, h. 1-2 ; Lihat juga Pemerintah Daerah Kabupaten Siak (2002), *Surat Keputusan Bupati Siak Nomor 214 Tahun 2002 Tentang Pedoman Teknis Kriteria Koperasi dan PKM Penerima Dana Kredit APBD Tahun Anggaran 2002 Kabupaten Siak*. Siak Sri Indrapura : Pemda Tk. II Kabupaten Siak, h. 1-9.

i) Syarat-syarat koperasi


1. Merupakan lembaga koperasi yang sudah dikuatkuasakan oleh pemerintah dan sudah berjalan dengan baik.
2. Memiliki anggota yang menjalankan aktiviti ekonomi di berbagai-bagai sektor dan bidang usaha seperti pertanian, penternakan, perikanan, perindustrian, IKS, dan PKS.
3. Memiliki carta pengurus dan pengawas yang cekap dan berdisiplin serta dipilih oleh anggota-anggota koperasi.
4. Diutamakan bagi koperasi yang mendapat penilaian sihat dan cukup sihat.
5. Diutamakan bagi koperasi yang memiliki anggota yang menjalankan aktiviti bagi menghasilkan barangan asas di Kabupaten Siak.
6. Telah melaksanakan musyawarat tahunan tutup buku terakhir (2001).
7. Diutamakan bagi koperasi yang belum pernah mendapat bantuan dana dari projek yang sama.
8. Pengurus koperasi bersedia bertanggungjawab atas penggunaan dana pinjaman sama ada yang dimanfaatkan oleh koperasi mahupun oleh anggotanya.
9. Diutamakan koperasi yang tidak mempunyai tunggakan kredit.
10. Memiliki lesen perniagaan.
11. Koperasi wajib membuka akaun tabungan selama 3 tahun di Bank Pembangunan Daerah atas nama koperasi.
12. Lulus penilaian yang dilakukan oleh kelompok kerja tingkat kabupaten.

ii) Syarat-syarat PKS

1. Merupakan perusahaan kecil sederhana sesuai dengan Undang-Undang Nombor 9 Tahun 1995 tentang perusahaan kecil sederhana di pelbagai bidang seperti perdagangan, kraf tangan, dan lain-lain.
2. Diutamakan kepada koperasi yang mendapatkan pembinaan daripada badan-badan bukan kerajaan, badan-badan kerajaan, perbankan, Badan Usaha Milik Negara (BUMN) dan institusi lain.
3. Diutamakan kepada PKS yang menghasilkan produk barangan keperluan asas.
4. Diutamakan kepada PKS yang belum pernah mendapat bantuan kredit dari projek yang sama.
5. Mempunyai aktiviti perusahaan yang aktif dan telah menunjukkan kerja yang baik selama 1 tahun.
6. Mempunyai lesen perniagaan dan tempat usaha yang menetap serta memiliki kad pengenalan Kabupaten Siak.
7. PKS bersedia untuk bertanggungjawab atas pinjaman modal yang digunakan.
8. PKS wajib membuka akaun tabungan selama 3 tahun di BPD atas nama PKS.
9. Lulus pemilihan oleh petugas Kabupaten.

iii) **Prosedur bagi mendapatkan skim kredit lunak di sektor koperasi dan PKS**

Rajah 3.3 : Prosedur skim kredit lunak di sektor koperasi dan PKS



Sumber : Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil Menengah Kabupaten Siak

Rajah 3.3 di atas menjelaskan bahawa prosedur bagi mendapatkan pinjaman kredit lunak di sektor koperasi dan PKS ialah seperti berikut :

1. Koperasi dan PKS mengajukan permohonan pinjaman kepada kelompok kerja tingkat kabupaten dengan mengisi borang yang telah disediakan dan menyertakan lampiran-lampiran seperti berikut :
 - i. Carta pengurus koperasi.
 - ii. Data pemilik atau usahawan PKS.
 - iii. Surat tanda terima yang ditandatangani oleh ketua dan bendahari koperasi dan pimpinan PKS serta diketahui oleh ketua harian kelompok kerja tingkat Kabupaten.
 - iv. Senarai nombor akaun koperasi dan PKS berkenaan.
 - v. Senarai nama anggota yang berdaftar di Koperasi Unit Desa (KUD) yang akan memperoleh pinjaman, termasuk tandatangan dari anggota

yang akan mengajukan pinjaman.

vi. Surat persetujuan anggota koperasi.

2. Kelompok kerja tingkat kabupaten mengadakan pemilihan dan penilaian terhadap permohonan tersebut. Penilaian yang dibuat berkenaan dengan unsur perlembagaan, perlengkapan organisasi, aktiviti yang telah dilaksanakan, rencana penggunaan kredit yang akan diterima, dan senarai nama peminjam.
3. Kelompok kerja kabupaten menyampaikan senarai koperasi dan PKS yang telah dipilih kepada Ketua Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil Menengah (UKM) beserta dengan berita acara penilaian yang ditandatangani oleh 2/3 daripada jumlah keseluruhan anggota kelompok kerja, dan melaporkan hasil penilaian koperasi dan PKS yang dipilih tersebut kepada Kepala Daerah Kabupaten Siak.
4. Jabatan Koperasi dan UKM menyampaikan senarai nama koperasi dan PKS yang telah dipersetujui kepada pimpinan projek. Pimpinan projek akan meneliti sama ada koperasi dan PKS berkenaan telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.
5. Pimpinan projek akan mengeluarkan SPP yang disampaikan kepada Kas Daerah (KASDA). Atas dasar SPP tersebut, KASDA menerbitkan SPM untuk memindahkan dana dari akaun KASDA ke akaun projek di Bank Pembangunan Daerah yang telah ditunjuk atas nama bendahari projek.
6. Bendahari projek mengeluarkan cek dan diberikan kepada pengerusi koperasi atau PKS yang telah dipersetujui oleh Jabatan Koperasi dan UKM Kabupaten Siak.

iv) Pembayaran balik pinjaman

Masa tenggang pembayaran balik pinjaman adalah tiga bulan dan bulan keempat peminjam dikehendaki membayar faedah (*interest*) iaitu sebanyak 3 peratus. Faedah (*interest*) tersebut dibayar pada bulan keempat setiap tahun selama masa pinjaman. Pada bulan keempat dan seterusnya, peminjam juga dikehendaki untuk mula membayar balik pokok pinjaman secara ansuran hingga pinjaman habis dibayar.⁸

v) Pelaksanaan skim kredit lunak di sektor koperasi dan PKS

Jadual 3.5 : Skim kredit lunak di sektor koperasi dan PKS tahun 2001 dan tahun 2002

Lokasi	Tahun 2001		Tahun 2002	
	Jumlah Pinjaman Koperasi (Juta Rp)	Jumlah Pinjaman PKS (Juta Rp)	Jumlah Pinjaman Koperasi (Juta Rp)	Jumlah Pinjaman PKS (Juta Rp)
Siak	375	412	100	830
Kerinci Kanan	200	200	45	165
Dayun	355	-	40	40
Sungai Apit	195	145	150	255
Minas	90	30	125	55
Perawang	235	288	40	225
Sungai Mandau	50	-	-	-
Bunga Raya	-	225	-	75
Jumlah	1 500	1300	500	1 645

Sumber : Jabatan Koperasi dan UKM Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.5, didapati pemerintah telah memberikan pinjaman kredit lunak bagi mengembangkan sektor koperasi sebanyak Rp 1 500 juta

⁸ Temubual dengan Darwilis, Kepala Jabatan Koperasi dan UKM Kabupaten Siak, pada 14 April 2003, jam 10.00 pagi Waktu Indonesia Barat (WIB).

pada tahun 2001 dan Rp 500 juta pada tahun 2002. Sedangkan di sektor PKS, pinjaman yang diberikan sebanyak Rp 1 300 juta pada tahun 2001 dan Rp 1 645 juta pada tahun 2002. Dengan demikian, secara keseluruhan pemerintah telah mengeluarkan pinjaman bagi mengembangkan sektor koperasi dan PKS sejak tahun 2001 hingga 2002 adalah sebanyak Rp 4 945 juta.

(4) Sektor Industri Kecil Sederhana (IKS)

Skim kredit lunak di sektor IKS mula dilaksanakan pada Desember 2002. Tempoh pembayaran balik pinjaman adalah 3 tahun dengan kadar faedah (*interest*) 3 peratus setiap tahun. Adapun Tatacara pelaksanaan skim kredit lunak untuk industri kecil sederhana tersebut adalah seperti berikut :⁹

i) Syarat-syarat umum IKS

Adapun syarat-syarat umum IKS yang akan menerima pinjaman adalah seperti berikut :

1. Merupakan IKS yang selaras dengan ketentuan Undang-Undang No. 9 Tahun 1995 tentang perusahaan kecil.
2. Memiliki aset usaha antara Rp 5 juta hingga Rp 200 juta tidak termasuk tanah dan bangunan.
3. Menjalankan aktiviti perusahaan secara aktif dan menunjukkan hasil kerja yang baik sekurang-kurangnya dalam masa 1 tahun.
4. Menggunakan bahan mentah dalam negeri sekurang-kurangnya 60


⁹ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak (2002), *Keputusan Bupati Siak Nomor 209 Tahun 2002 Tentang Penunjukan Tim Kelompok Kerja (POKJA) Penyaluran Bantuan Dana Kredit Untuk Industri Kecil APBD Kabupaten Siak Tahun Anggaran 2002*. Siak Sri Indrapura : Pemda Tk. II Kabupaten Siak, h. 1-9.

peratus.

5. Bukan sedang menerima bantuan kredit dari pemerintah atau institusi kewangan lain.
6. Mengisi borang permohonan pinjaman modal yang disediakan.
7. Lulus dalam pemilihan yang dilakukan oleh kelompok kerja tingkat kabupaten.
8. Bersedia untuk bertanggungjawab atas penggunaan dana pinjaman.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim kredit lunak di sektor IKS

Rajah 3.4 : Prosedur skim kredit lunak di sektor IKS



Sumber : Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.4 di atas, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan pinjaman kredit lunak di sektor IKS ialah seperti berikut :

1. Permohonan mesti ditujukan kepada Ketua Harian Kelompok Kerja (KHK2) Tingkat Kabupaten Siak. Ahli Jawatankuasa KHK2 akan membuat penilaian di kawasan IKS penerima bantuan dana kredit berkenaan bagi mengumpulkan data-data yang diperlukan.

2. IKS yang secara teknikal telah cukup syarat untuk menerima bantuan dana kredit berdasarkan hasil penilaian dari KHK2, akan disampaikan kepada Ketua Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kabupaten Siak.
3. Setelah dipersetujui oleh Ketua Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kabupaten Siak, maka wang pinjaman tersebut akan diserahkan secara langsung kepada pengurus IKS berkenaan.

iii) Pembayaran balik pinjaman

Pembayaran balik pinjaman diserahkan secara langsung oleh peminjam kepada Pemerintah Daerah Kabupaten Siak melalui Bank Pembangunan Daerah Riau Cawangan Siak. Pinjaman berkenaan dibayar secara ansuran setiap bulan bermula pada bulan keempat sejak akad kredit ditandatangani.¹⁰

iv) Pelaksanaan skim kredit lunak di sektor industri kecil sederhana

Jadual 3.6 : Skim kredit lunak di sektor industri kecil sederhana tahun 2002

Kecamatan	Desa dan Kelurahan	Pinjaman (Juta Rp)
Siak	Tanjung Agung	10
	Siak	215
Bunga Raya	Perincit	40
	Jayapura	75
	Tuah Indah	30
	Pebadaran -	10
	Kemuning	10
	Benayah	15
	Bunga Raya	10

¹⁰ Temubual dengan Amir Ikhsan, Ahli Jawatankuasa Jabatan Perdagangan dan Perindustrian Kabupaten Siak, pada 19 Mac 2003, jam 11.00 pagi WIB.

Jadual 3.6, sambungan

Kecamatan	Desa dan Kelurahan	Pinjaman (Juta Rp)
Sungai Apit	Bandar Sungai	30
	Belading	20
	Sungai Apit	60
	Rempak	10
	Parit Makmur	20
Dayun	Berumbang Baru	15
Jumlah		570

Sumber : Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil Menengah

Berdasarkan Jadual 3.6, didapati pemerintah telah mengeluarkan pinjaman di sektor IKS sebanyak Rp 570 juta. Adapun Kelurahan Siak adalah yang paling banyak menerima pinjaman iaitu sebanyak Rp 215 juta.

3.2.2 Skim Kredit Dengan Sistem Hasil di Sektor perkebunan

Skim kredit dengan sistem hasil adalah pinjaman kewangan yang diberikan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak kepada masyarakat desa dengan menggunakan sistem pembahagian hasil bagi membayar balik pinjaman. Skim kredit dengan sistem hasil ini mula dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada April 2001. Jenis komoditi yang dibiayai dalam program ini adalah komoditi getah dan sagu dengan tempoh pinjaman selama 7 hingga 10 tahun (sagu) dan 5 tahun (getah). Untuk mengetahui secara lebih jelas mengenai tatacara pelaksanaan skim kredit dengan sistem hasil di sektor perkebunan,

penulis akan menghuraikan beberapa hal berikut ini : ¹¹


i) Syarat-syarat calon penerima bantuan

1. Telah berdaftar sebagai ahli dalam kelompok tani. Kelompok tani yang ditubuhkan tersebut mesti memenuhi beberapa syarat seperti berikut :
 - i. Mempunyai anggota yang akan menjalankan projek berkenaan.
 - ii. Jumlah ahli dalam kelompok tani adalah 20 hingga 100 orang.
 - iii. Mempunyai peraturan-peraturan kelompok yang disepakati seluruh anggota kelompok.
 - iv. Mempunyai pentadbiran kelompok yang tertib dan lengkap.
 - v. Melaksanakan pertemuan secara teratur untuk membincangkan setiap permasalahan yang timbul selama projek skim pinjaman modal tersebut dijalankan.
2. Petani adalah pemilik dan pengolah tanah sendiri atau petani yang mengolah tanah orang lain.
3. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun atau sudah berkahwin.
4. Memiliki kesedaran untuk bertanggungjawab.
5. Bersedia untuk mengikuti petunjuk atau pembinaan dari pemerintah.
6. Petani berkenaan adalah penduduk tetap.

¹¹ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak (2002), *Petunjuk Pelaksanaan/Teknis Pembinaan dan Pembangunan Sagu Rakyat Pola Kredit Lunak Jangka Panjang*. Siak Sri Indrapura : Dinas Pertanian Tanaman Pangan Kabupaten Siak, h. 1-8 ; Lihat juga Pemerintah Daerah Kabupaten Siak Dinas Pertanian Tanaman Pangan Kabupaten Siak (2002), *Petunjuk Pelaksanaan/Teknis Pembinaan dan Pembangunan Tanaman Karet Terpadu Sistem Tumpang Sari dan Pola Kredit Lunak Jangka Panjang*. Siak Sri Indrapura : Dinas Pertanian dan Tanaman Pangan Kabupaten Siak, h. 1-11.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim kredit dengan sistem hasil di sektor perkebunan

Rajah 3.5 : Prosedur skim kredit dengan sistem hasil di sektor perkebunan



Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.5 di atas, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan skim kredit dengan sistem hasil di sektor perkebunan adalah seperti berikut :

1. Permohonan yang dibuat oleh kelompok tani setelah diteliti oleh PPL disampaikan kepada petugas teknikal kecamatan untuk diperiksa dan diteliti kembali. Jika diperlukan, petugas teknikal kecamatan langsung turun ke lapangan.
2. Petugas teknikal kecamatan mengumpulkan semua permohonan yang masuk dan selanjutnya disampaikan kepada petugas teknikal kabupaten.
3. Petugas teknikal kabupaten memeriksa dan meneliti permohonan yang masuk dan selanjutnya disampaikan kepada Jabatan Pertanian dan Perkebunan untuk mendapatkan persetujuan.

4. Permohonan yang telah dipersetujui oleh Jabatan Pertanian dan Perkebunan akan disampaikan kepada pimpinan projek untuk diproses pencairan dananya.
5. Pimpinan projek memeriksa dan meneliti permohonan yang diajukan oleh kelompok dan membuat SPP yang disampaikan kepada Bahagian Kewangan Pemerintah Daerah Kabupaten Siak.
6. Atas dasar SPP tersebut bahagian kewangan akan menerbitkan SPM untuk memindahkan wang dari akaun Bahagian Kewangan ke akaun Projek berkenaan atas nama bendahari projek.
7. Selanjutnya bendahari projek akan memindahkan wang tersebut ke akaun kelompok tani di Bank Pembangunan Daerah Cawangan Siak sesuai dengan jumlah dana yang dipersetujui.

iii) Pembayaran balik pinjaman

Adapun pembayaran balik pinjaman ialah menggunakan sistem hasil, iaitu apabila getah atau sagu yang ditanam oleh masyarakat tersebut telah mendatangkan pulangan (hasil). Setiap kali masyarakat menerima hasil daripada penjualan sama ada getah ataupun sagu, maka masyarakat dikehendaki untuk membayar balik pinjaman secara ansuran, iaitu sebanyak 30 peratus daripada hasil bersih pada setiap penjualan diserahkan kepada pemerintah sebagai ansuran pinjaman, manakala bakinya 70 peratus untuk masyarakat. Pembayaran balik pinjaman dalam program pembangunan usaha perkebunan sagu dan getah ini tidak menggunakan sistem faedah (*interest*) melainkan menggunakan sistem hasil. Sedangkan jumlah yang mesti dibayar semula adalah tetap sebesar pokok pinjaman tanpa dikenakan sebarang caj

atau faedah (*interest*).¹²

iv) Pelaksanaan skim kredit dengan sistem hasil di sektor perkebunan

Jadual 3.7 : Skim kredit dengan sistem hasil (tanaman sagu) tahun 2001

Desa	Luas (hektar)	Pinjaman (Juta Rp)
Tanjung Kuras	50	100
Merempan	50	100
Jumlah	100	200

Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.7, didapati pemerintah telah menjalankan skim kredit dengan sistem hasil bagi mengembangkan tanaman sagu dengan luas kawasan 100 hektar yang berada di dua desa. Sedangkan jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah Rp 200 juta.

Jadual 3.8 : Skim kredit dengan sistem hasil (tanaman getah) tahun 2001

Desa	Luas (hektar)	Pinjaman (Juta Rp)
Perincit	25	100
Pebadaran	25	100
Merempan	100	200
Jumlah	150	400

Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.8 di atas, didapati bahawa jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan pemerintah bagi mengembangkan tanaman sagu

¹² Temubual dengan Yusrial, Ahli Jawatankuasa Jabatan Pertanian dan Perkebunan, pada 10 Mac 2003, jam 11.00 pagi WIB.

adalah Rp 400 juta, dengan luas tanah 150 hektar yang terletak di tiga desa.

3.2.3 Skim Pembiayaan Dengan Sistem Hasil di Sektor Perikanan

Skim pembiayaan dengan sistem hasil adalah skim pembiayaan yang ditawarkan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak bagi membiayai usaha yang dijalankan oleh masyarakat dengan menggunakan prinsip perkongsian untung antara pemerintah dan masyarakat. Skim ini mula dilaksanakan pada Julai 2002. Untuk mengetahui secara lebih jelas tentang tatacara pelaksanaan skim pembiayaan dengan sistem hasil di Kabupaten Siak, maka kita perlu menyemak beberapa hal seperti berikut:¹³

i) Syarat usahawan

1. Menetap di desa atau di kawasan projek berkenaan dan memiliki tanah untuk dijadikan kolam ikan.
2. Umur sekurang-kurangnya 20 tahun atau sudah berkahwin (kepala keluarga).
3. Memiliki potensi untuk mengembangkan usaha perikanan atau sudah berpengalaman di bidang perikanan.
4. Bersedia untuk mengikuti tunjuk ajar yang disampaikan oleh pemerintah melalui Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak.

¹³ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak Dinas Peternakan dan Perikanan (2002), *Petunjuk Teknis Budidaya Ikan Dalam Keramba Ikan Pola Revolving di Desa Paluh Kecamatan Siak dan Desa Muara Kelantan Kecamatan Sei. Mandau Kabupaten Siak*. Siak Sri Indrapura : Dinas Peternakan dan Perikanan Kabupaten Siak, h. 1-13.

ii) Hak usahawan


1. Peminjam yang telah memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang disenaraikan di atas berhak untuk mendapatkan bantuan modal perikanan.
2. Berhak mendapatkan pelayanan dan perkhidmatan yang baik seperti mendapatkan bimbingan tentang kesihatan ikan dan panduan mengenai tatacara memelihara ikan.
3. Masyarakat berhak untuk mengajukan atau memperoleh bantuan modal perikanan dan sesuai dengan peraturan-peraturan yang telah disampaikan oleh pemerintah.

iii) Kewajipan usahawan

1. Usahawan mesti menjaga dan memelihara usaha yang telah dikerjakan daripada modal yang dilaburkan oleh pemerintah.
2. Usahawan mesti menghadiri latihan-latihan yang dilaksanakan oleh Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak.
3. Membuat catatan sesuai dengan arahan yang telah disampaikan oleh pemerintah melalui Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak seperti waktu, jumlah benih, jenis makanan dan jumlah makanan yang diperlukan ikan dan lain-lain.
4. Masyarakat bertanggungjawab untuk memelihara dan menjaga usaha tersebut.
5. Masyarakat sebagai usahawan mesti berkongsi keuntungan dengan pemodal sesuai dengan kesepakatan kedua-dua belah pihak.

iv) Prosedur bagi mendapatkan skim pembiayaan dengan sistem hasil di sektor perikanan

Rajah 3.6 : Prosedur skim pembiayaan dengan sistem hasil di sektor perikanan



Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.5 di atas, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan pembiayaan dengan sistem hasil yang dijalankan di sektor perikanan adalah seperti berikut :

1. Masyarakat mengajukan permohonan kepada Kepala Desa di mana projek tersebut dijalankan.
2. Kepala Desa akan menyampaikan permohonan tersebut kepada petugas teknikal di Jabatan Penternakan dan Perikanan yang ada di kecamatan.
3. Petugas teknikal kecamatan akan meneliti permohonan tersebut dan menyampaikannya kepada Ketua Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak. Petugas teknikal kabupaten atas nama Ketua Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak bertanggungjawab memastikan sama ada usahawan berkenaan layak atau tidak menerima bantuan tersebut.

4. Petugas teknikal kabupaten atas nama Ketua Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak akan menyusun hasil penilaian terhadap calon usahawan yang layak menerima bantuan, serta menyerahkannya secara langsung kepada usahawan yang telah dipilih tersebut.

v) Pembahagian keuntungan

Pemerintah berperanan sebagai pelabur yang melaburkan wangnya untuk mengembangkan penternakan ikan air tawar. Modal yang dilaburkan tersebut tidak dianggap sebagai pinjaman yang mesti dipulangkan semula. Pemodal hanya menghendaki supaya keuntungan yang diperoleh daripada usaha yang dijalankan oleh usahawan dikongsi bersama sesuai dengan peratusan yang telah ditetapkan. Apabila usaha yang dijalankan tersebut tidak mendatangkan sebarang hasil atau mengalami kerugian yang bukan disebabkan oleh kelalaian usahawan, maka usahawan tidak dikehendaki untuk mengganti kerugian yang dialami oleh pemodal. Tetapi apabila pemodal mendapati usahawan tidak menjalankan usaha dengan sungguh-sungguh atau dengan sengaja melalaikannya, maka pelabur berhak mengambil modalnya kembali atau pelbagai barangan yang dibeli daripada modal yang dilaburkan itu. Sedangkan peratusan yang telah ditetapkan dalam skim ini ialah 40 peratus berbanding 60 peratus. 40 peratus hasil yang diterima adalah hak pelabur, sedangkan bakinya 60 peratus adalah bahagian usahawan.¹⁴

¹⁴ Temubual dengan Ahmad Yani, Ahli Jawatankuasa Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak, pada 14 April 2003, jam 2.00 petang WIB .

vi) Pelaksanaan skim pembiayaan dengan sistem hasil di sektor perikanan

Jadual 3.9 : Skim pembiayaan dengan sistem hasil tahun 2001

Kecamatan	Desa	Keramba (Juta Rp)	Benih Ikan (Juta Rp)	Makanan Ikan (Juta Rp)
Sungai Mandau Siak	Muara Kelantan Paluh	240	30.6	33.481
		50	6.9	24.9
Jumlah	2 desa	290	37.5	58.381

Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.9, didapati pemerintah telah memberikan pembiayaan kepada masyarakat di dua desa dengan menggunakan sistem hasil. Secara keseluruhan dapat dibahagi menjadi tiga bahagian iaitu keramba, benih ikan dan makanan ikan dengan jumlah keseluruhan masing-masing Rp 290 juta, Rp 37.5 juta, dan Rp 58.381 juta.

3.2.4 Skim Kredit Jentera Pertanian di Sektor Pertanian

Skim kredit jentera pertanian adalah skim yang membolehkan masyarakat bagi mendapatkan jentera-jentera pertanian dengan bayaran tangguh (ansuran). Skim ini mula dilaksanakan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada September 2002. Jenis jentera pertanian yang ditawarkan adalah *Hand Tractor*, *Corn Seller*, *Pompa Air*, *Power Thresher*, dan *Hand Sprayer*. Sedangkan tempoh pembayaran balik adalah 5 tahun dengan kadar faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setiap

tahun. Berikut ini akan dijelaskan mengenai tatacara pelaksanaan skim berkenaan, iaitu :¹⁵

i) Syarat-syarat calon penerima pinjaman ialah seperti berikut :


1. Setiap petani yang akan menggunakan skim kredit berkenaan mestilah terlebih dahulu berdaftar sebagai anggota kelompok tani. Skim kredit yang diberikan oleh pemerintah adalah di atas nama kelompok tani dan bukannya orang perseorangan. Ini bermakna, para petani bertanggungjawab untuk memulangkan semula pinjaman di atas nama kelompok. Kelompok tani yang ditubuhkan itu mesti memenuhi syarat-syarat seperti berikut :
 - i. Mempunyai anggota sebanyak 5 hingga 16 orang dan berperanan aktif dalam projek berkenaan, serta mempunyai peraturan kelompok yang disepakati oleh seluruh anggota kelompok, pentadbiran yang tertib dan lengkap.
 - ii. Melaksanakan pertemuan secara teratur untuk membincangkan hal-hal yang dianggap perlu.
 - iii. Bersedia mengadakan tabungan minimum sebanyak 2 peratus daripada jumlah pinjaman secara keseluruhan.
2. Petani yang boleh mengajukan permohonan untuk mendapatkan skim tersebut adalah petani yang memiliki kawasan atau tanah pertanian dan sekaligus berperanan sebagai pengusaha tanah tersebut. Begitu juga halnya dengan petani yang tidak memiliki kawasan atau tanah pertanian namun ia mengolah atau mengusahakan tanah orang lain.

¹⁵ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak (2002), *Petunjuk Teknis Pelaksanaan Bantuan Permodalan Pola Kredit Proyek Lingkup Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak Tahun Anggaran 2002*. Siak Sri Indrapura : Dinas Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak, h. 1-19.

3. Berumur sekurang-kurangnya 18 tahun atau sudah berkahwin.
4. Memiliki kesedaran untuk bertanggungjawab.
5. Bersedia untuk mengikuti petunjuk atau peraturan yang telah ditentukan oleh pemerintah.
6. Petani mesti menyerahkan cagar berbentuk geran tanah yang nilainya adalah lebih besar berbanding harga jentera pertanian yang diterima.
7. Petani berkenaan adalah penduduk tetap.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim kredit jentera pertanian

Rajah 3.7 : Prosedur skim kredit jentera pertanian di sektor pertanian



Sumber : Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.6, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan skim kredit jentera pertanian ialah seperti berikut :-

1. Kelompok tani mesti membuat permohonan yang diteliti oleh PPL, kemudian disampaikan kepada petugas teknikal kecamatan untuk diperiksa dan diteliti kembali.
2. Petugas kecamatan mengumpulkan semua permohonan dan diserahkan

kepada petugas teknikal kabupaten.

3. Petugas teknikal kabupaten memeriksa dan meneliti permohonan tersebut kemudian diserahkan kepada Jabatan Pertanian dan Perkebunan untuk mendapatkan surat persetujuan.
4. Permohonan yang telah dipersetujui oleh Jabatan Pertanian dan Perkebunan disampaikan kepada pimpinan projek untuk diproses pencairan dana kewangannya.
5. Pimpinan projek memeriksa dan meneliti permohonan tersebut lalu mengeluarkan SPP yang disampaikan kepada bahagian kewangan Pemerintah Daerah Kabupaten Siak.
6. Atas dasar SPP tersebut, bahagian kewangan akan menerbitkan SPM untuk memindahkan wang dari akaun bahagian kewangan ke akaun Projek berkenaan.
7. Selanjutnya bendahari projek memindahkan wang tersebut ke akaun kelompok tani di Bank Pembangunan Daerah Cawangan Siak sesuai dengan jumlah yang telah dipersetujui oleh pemerintah.

iii) Pembelian alat dan jentera pertanian

Setelah diperoleh senarai nama-nama petani yang akan menerima pinjaman, maka Pemerintah Daerah melalui Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak bersama dengan petani penerima skim berkenaan, akan membeli barangan yang diperlukan seperti alat-alat atau jentera pertanian daripada pihak pembekal dengan harga tunai. Kemudian, setelah alat-alat atau jentera pertanian yang telah dibeli tersebut berada di tangan masyarakat, maka masyarakat dikehendaki untuk membayar balik pinjaman dengan cara ansuran

kepada pemerintah ditambah dengan faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setiap tahun.¹⁶

iv) Pembayaran balik pinjaman

Adapun tatacara pembayaran balik pinjaman ialah seperti berikut :

1. Pembayaran balik pinjaman mesti dilakukan sendiri oleh kelompok yang berkenaan di Bank Pembangunan Daerah cawangan Siak dan sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan.
2. Pembayaran balik pokok pinjaman dilakukan setiap tahun bersama dengan pembayaran faedah (*interest*) 3 peratus setahun selama tempoh pinjaman.
3. Bukti pembayaran mesti diserahkan kepada Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak.
4. Tanggungjawab pembayaran balik pinjaman adalah tanggungjawab seluruh anggota kelompok.

vi) Pelaksanaan skim kredit jentera pertanian di sektor pertanian

Jadual 3. 10 : Skim kredit jentera pertanian tahun 2002

Jenis Jentera Pertanian	Lokasi	Jumlah	Jumlah (Juta Rp)
<i>Hand Tractor</i>	Sungai Apit	3 unit	64.5
	Bunga Raya	26 unit	562
<i>Corn Seller</i>	Siak	3 unit	34.5
	Bunga Raya	7 unit	80.5

¹⁶ Temubual dengan Subhan Arif, Ahli Jawatankuasa Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak, pada 4 April 2003, jam 10.00 pagi WIB .

Jadual 3. 10, sambungan

Jenis Jentera Pertanian	Lokasi	Jumlah	Jumlah (Juta Rp)
<i>Pompa Air</i>	Bunga Raya	3 unit	18
	Siak	5 unit	48
<i>Power Thresher</i>	Sungai Apit	2 unit	12
	Sungai Apit	5 unit	42.5
	Siak	1 unit	8.5
	Bunga Raya	1 unit	8.5
<i>Hand Sprayer</i>	Bunga Raya	1 unit	1.75
	Siak	2 unit	5.25
Jumlah		59 unit	886

Sumber: Jabatan Pertanian dan Perkebunan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.9, didapati pemerintah telah mengeluarkan biaya sebanyak Rp 886 juta bagi menyediakan jentera pertanian sebanyak 59 unit. Pembiayaan tersebut telah diberikan kepada masyarakat desa yang berada di tiga lokasi kecamatan sebagaimana yang disebutkan di atas.

3.2.5 Skim Kredit Haiwan Ternakan di Sektor Penternakan

Skim kredit haiwan ternakan adalah skim yang membolehkan masyarakat untuk mendapatkan haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan itik, dengan bayaran tangguh (ansuran) ditambah kadar faedah (*interest*) yang telah ditetapkan oleh pemerintah. Skim ini mula dilaksanakan pada Disember 2002. Sedangkan tempoh pembayaran balik pinjaman adalah 5 tahun (lembu), 4 tahun (kambing) dan 3 tahun (itik) dengan kadar faedah (*interest*) 3 peratus setiap tahun. Untuk memahami tatacara pelaksanaannya perlu disemak hal-hal berikut ini:¹⁷

¹⁷ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak Dinas Penternakan dan Perkebunan Kabupaten Siak (2002), *Petunjuk Teknis Penyelenggaraan Pinjaman Modal Sub Sektor Peternakan Tahun Anggaran 2002*. Siak Sri Indrapura : Dinas Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak, h. 1-24.

i) Syarat-syarat penternak

Syarat yang mesti dipenuhi oleh penternak ialah seperti berikut :

1. Menetap di desa atau di kawasan projek berkenaan dan memiliki tanah pertanian.
2. Umur sekurang-kurangnya 20 tahun atau sudah berkahwin.
3. Memiliki kemampuan untuk mengembangkan usaha atau memiliki pengalaman di bidang penternakan lembu, kambing atau itik.
4. Bersedia memenuhi semua ketentuan atau peraturan yang berlaku dalam skim kredit haiwan ternakan sebagaimana yang telah disepakati sebelumnya.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim kredit haiwan ternakan

Rajah 3.8 : Prosedur skim kredit haiwan ternakan di sektor penternakan



Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.7 di atas, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan skim kredit haiwan ternakan adalah seperti berikut :

1. Masyarakat membuat permohonan pinjaman dan disampaikan kepada petugas teknikal Jabatan penternakan di kecamatan tertentu.

2. Petugas teknikal kecamatan akan menyampaikan permohonan tersebut kepada petugas teknikal di Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak. Petugas teknikal kabupaten akan memeriksa dan meneliti permohonan tersebut.
3. Petugas teknikal kabupaten akan menyerahkan permohonan yang sudah diteliti dan dianalisis tersebut kepada Ketua Jabatan Pertanian dan Perkebunan untuk mendapatkan surat persetujuan.
4. Permohonan yang telah dipersetujui oleh Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak disampaikan kepada pimpinan projek untuk diproses pencairan dana kewangannya.
5. Pimpinan projek memeriksa dan meneliti kelayakan permohonan berkenaan.
6. Setelah didapati permohonan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka pimpinan projek mengeluarkan SPP yang disampaikan kepada bahagian kewangan Pemerintah Daerah Kabupaten Siak.
7. Atas dasar SPP tersebut, bahagian kewangan akan menerbitkan SPM untuk memindahkan wang dari akaun bahagian kewangan ke akaun Projek berkenaan, dan seterusnya bendahari projek memindahkan wang tersebut ke akaun penternak berkenaan di Bank Pembangunan Daerah Cawangan Siak sesuai dengan jumlah dana yang dipersetujui.

iii) Pembelian haiwan ternakan

Setelah wang pinjaman berada dalam akaun penternak, maka Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak akan melantik seseorang sebagai wakil yang akan membeli haiwan ternakan daripada pihak pembekal bersama

dengan penternak yang menerima skim tersebut. Pembelian haiwan ternakan daripada pembekal adalah dengan harga tunai. Setelah haiwan berkenaan berada di tangan penternak, maka penternak dikehendaki untuk memulangkan semula pinjaman (harga belian haiwan) secara ansuran ditambah dengan kadar faedah (*interest*) sebanyak 3 peratus setahun kepada pemerintah. Adapun kadar faedah (*interest*) yang ditetapkan tersebut dihitung secara menurun sesuai dengan baki pokok pinjaman.¹⁸

iv) Pembayaran balik pinjaman

1. Penternakan lembu

Setiap keluarga memperolehi pinjaman pokok sebanyak Rp 5 883 333 untuk membeli 5 ekor lembu (tiga ekor jantan dan dua ekor betina). Tempoh pembayaran balik pinjaman untuk ternakan lembu adalah lima tahun. Jadual aturan pinjaman ditetapkan setiap tahun dan dimulai pada tahun ketiga setelah pinjaman diterima. Jumlah ansuran pinjaman setiap tahunnya adalah sebagai berikut :

Ansuran pokok I : Rp 5 883 400

Bunga I : Rp 525.000

Jumlah : Rp 6 408 400

Ansuran pokok II : Rp 5 833 300

Bunga II : Rp 349 998

Jumlah : Rp 6 183 298

¹⁸ Temubual dengan Ngadiman, Ahli Jawatankuasa Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak, pada 17 Mac 2003, jam 10.15 pagi WIB.

Ansuran pokok III	: Rp 5 833 300
Bunga III	: Rp 174 999
Jumlah	: Rp 5 908 299

2. Penternakan Kambing

Setiap keluarga (peminjam) akan mendapatkan pinjaman sebanyak Rp 966 666 untuk membeli 4 ekor kambing (satu ekor jantan dan tiga ekor betina). Tempoh pembayaran balik untuk ternakan kambing adalah empat tahun. Jadual aturan pinjaman ditetapkan setiap tahun dan dimulai pada tahun kedua setelah pinjaman diterima. Jumlah ansuran pinjaman setiap tahunnya adalah sebagai berikut :

Ansuran Pokok I	: Rp 966 700
Bunga I	: Rp 87 000
Jumlah	: Rp 1 053 700

Ansuran pokok II	: Rp 966 700
Bunga II	: Rp 58 000
Jumlah	: Rp 1 024 700

Ansuran pokok III	: Rp 966 700
Bunga III	: Rp 29 000
Jumlah	: Rp 995 700

3. Penternakan itik

Setiap keluarga akan mendapat pinjaman sebanyak Rp 1 000 000 untuk membeli itik sebanyak 50 ekor (sepuluh ekor jantan dan empat puluh ekor betina). Tempoh pembayaran balik adalah tiga tahun dengan jadual ansuran pinjaman ditetapkan setiap tahun dan dimulai pada tahun kedua setelah pinjaman diterima. Jumlah ansuran tiap tahun adalah sebagai berikut :

Ansuran pokok I : Rp 1 000 000
Bunga I : Rp 60 000
Jumlah : Rp 1 060 000

Ansuran pokok II : Rp 1 000 000
Bunga II : Rp 30 000
Jumlah : Rp 1 030 000

v) Pelaksanaan skim kredit haiwan ternakan di sektor penternakan

Jadual 3.11 : Skim kredit haiwan ternakan lembu tahun 2002

Kecamatan	Nama Desa	Lembu	Jumlah (juta Rp)
Bunga Raya	Jati Baru	100	117. 668
Dayun	Sialang sakti	100	117. 668
	Berumbung	100	117. 668
Kerinci Kanan	Buatan Baru	100	117. 668
	Sialang Baru	100	117. 668
Minas	Kandis	100	117. 668
	Mandi Angin	100	117. 668
Jumlah	7 desa	700 ekor	823.676

Sumber: Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Jadual 3.12 : Skim kredit haiwan ternakan kambing tahun 2002

Kecamatan	Nama Desa	Kambing	Jumlah (juta Rp)
Sungai Apit	Parit Makmur	120	29.1
Dayun	Merangkai	120	29.1
Kerinci Kanan	Seminai	120	29.1
Minas	Minas Timur	120	29.1
Jumlah	4 desa	480 ekor	116.4

Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Jadual 3.13 : Skim kredit haiwan ternakan itik tahun 2002

Kecamatan	Nama Desa	Itik	Jumlah (juta Rp)
Bunga Raya	Jati Baru	1000	20
	Bunga Raya	1000	20
	Jaya Pura	1000	20
Dayun	Banjar Seminai	1000	20
	Sawit Permai	1000	20
Kerinci Kanan	Buana Bakti	1000	20
Jumlah	6 desa	6000 ekor	120

Sumber: Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Jadual 3.10 hingga Jadual 3.12, didapati bahawa Pemerintah Daerah Kabupaten telah menjalankan skim kredit haiwan ternakan iaitu lembu sebanyak 700 ekor dengan biaya keseluruhan sebanyak Rp 823.676 juta. Kambing sebanyak 480 ekor dengan biaya keseluruhan Rp 116.4 juta di empat desa, dan 6000 ekor itik dengan biaya Rp 120 juta di enam desa.

3.2.6 Skim Pinjaman Haiwan Ternakan di Sektor Penternakan

Skim pinjaman haiwan ternakan, ialah pinjaman berupa haiwan ternakan seperti lembu, kambing dan itik yang diberikan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak kepada masyarakat desa. Pinjaman haiwan ternakan ini


bermaksud untuk membantu masyarakat desa yang tidak memiliki modal bagi mendapatkan haiwan ternakan. Haiwan yang dipinjamkan tersebut akan dibayar kembali dengan jenis yang sama (anak daripada haiwan asal) sesuai dengan jumlah haiwan yang dipinjam sebelumnya. Skim ini mula dijalankan pada Oktober 2002. Adapun tatacara pelaksanaannya adalah sebagai berikut :¹⁹

i) Syarat-syarat penternak

1. Menetap di desa di mana projek berkenaan dijalankan.
2. Umur sekurang-kurangnya 20 tahun atau sudah berkahwin.
3. Memiliki kemampuan untuk mengembangkan usaha atau memiliki pengalaman di bidang penternakan lembu, kambing atau itik.

ii) Prosedur bagi mendapatkan skim pinjaman haiwan ternakan

Rajah 3.9 : Prosedur skim pinjaman haiwan ternakan di sektor penternakan



Sumber : Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Berdasarkan Rajah 3.7, didapati bahawa prosedur bagi mendapatkan pinjaman haiwan ternakan adalah seperti berikut :

¹⁹ Pemerintah Daerah Kabupaten Siak Dinas Peternakan dan Perikanan Kabupaten Siak (2002), *Laporan Akhir*. Siak Sri Indrapura : Dinas Peternakan dan Perikanan Kabupaten Siak, h. 1-5.

1. Masyarakat mengajukan permohonan pinjaman kepada kepala desa.
2. Kepala desa akan memeriksa permohonan tersebut sama ada ia memenuhi syarat atau tidak. Kemudian kepala desa akan menyampaikan senarai nama-nama penternak yang telah dipilih kepada Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak.
3. Setelah menerima senarai nama-nama penternak yang dipilih oleh kepala desa, Ketua Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak akan membuat persetujuan dan menyerahkan haiwan ternakan berkenaan kepada masyarakat.

iii) Pemulangan semula haiwan ternakan

Apabila sampai jangka waktu pengembalian atau pemulangan semula ternakan, maka masyarakat dikehendaki untuk mengembalikannya dengan jumlah yang sama iaitu 1 ekor dikembalikan 1 ekor kepada pemerintah melalui Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak. Haiwan yang dikembalikan tersebut adalah anak haiwan asal (haiwan yang dipinjam). Sedangkan haiwan asal secara langsung akan menjadi milik si peminjam. Skim ini tidak menetapkan sebarang caj atau faedah (*interest*). Oleh itu, masyarakat akan mendapatkan keuntungan sepenuhnya, manakala pemerintah tidak mendapatkan sebarang keuntungan.²⁰

²⁰ Temubual dengan Ngadiman, Ahli Jawatankuasa Jabatan Penternakan dan Perikanan Kabupaten Siak, pada 17 Mac 2003, jam 10.15 pagi WIB.

iv) Pelaksanaan skim pinjaman haiwan ternakan di sektor penternakan

Jadual 3.14 : Skim pinjaman haiwan ternakan lembu tahun 2002

Kecamatan	Desa	Lembu
Tualang	Pangkal Pisang	42
	Lukut	42
	Sengkemang	42
Bunga Raya	Sungai Limau	42
	Pebadaran	42
Sungai Apit	Teluk Merbau	42
	Rempak	42
	Sungai Apit	42
	Lalang	42
	Teluk Lanus	42
	Penyengat	42
	Kayu Ara	42
	Tanjung Kuras	42
	Jumlah	13 desa

Sumber: Jabatan Peternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Jadual 3.15 : Skim pinjaman haiwan ternakan kambing tahun 2002

Kecamatan	Desa	Kambing
Tualang	Pinang Sebatang	120
	Kuala Gasib	120
Sungai Apit	Teluk Mesjid	120
Sungai Mandau	Lubuk Umbut	60
	Bencah Umbai	60
Siak	Sungai Selodang	120
	Muara Kelantan	120
	Benteng Hilir	120
	Jumlah	8 desa

Sumber: Jabatan Peternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

Jadual 3.16 : Skim pinjaman haiwan ternakan itik tahun 2002

Kecamatan	Desa	Itik
Siak	Benteng Hulu	1000
	Langkai	1000
Bunga Raya	Pebadaran	1000
Sungai Apit	Sungai Rawa	1000
Jumlah	4 desa	4000

Sumber: Jabatan Peternakan dan Perikanan Kabupaten Siak

3.3 Kesimpulan

Skim kredit lunak merupakan pinjaman kewangan dengan kadar faedah (*interest*) tetap sebanyak 3 peratus setahun, Pinjaman yang ditawarkan oleh pemerintah dengan sistem kredit lunak tersebut dapat membantu masyarakat di bidang permodalan. Oleh itu, skim berkenaan telah dilaksanakan di pelbagai sektor utama seperti pertanian, perikanan, koperasi, perusahaan kecil sederhana dan industri kecil sederhana.

Sedangkan skim kredit dengan sistem hasil adalah lebih cenderung kepada pinjaman kebajikan kerana skim berkenaan tidak mengenakan sebarang faedah (*interest*) atau apa-apa caj kepada pihak peminjam. Peminjam juga tidak dikehendaki untuk membayar balik pinjaman dalam jumlah tertentu setiap bulan. Peminjam hanya dikehendaki membuat ansuran apabila usaha yang dikerjakan telah mendatangkan hasil. Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa skim kredit dengan sistem hasil merupakan program pembangunan ekonomi yang dapat dimanfaatkan serta dapat membantu masyarakat bawahan. Skim kredit dengan sistem hasil telah dilaksanakan oleh pemerintah untuk pengembangan sagu dan getah.

Sedangkan skim pembiayaan dengan sistem hasil merupakan suatu pola pembiayaan yang menggunakan prinsip perkongsian untung. Pemerintah sebagai pemodal tidak menghendaki masyarakat yang berperanan sebagai usahawan untuk membayar balik modal yang telah dilaburkan. Pemerintah hanya menghendaki supaya keuntungan yang diperoleh nanti dapat dikongsikan bersama. Penulis menyimpulkan bahawa skim pembiayaan ini adalah suatu skim yang menggunakan pola perniagaan dalam Islam. Skim pembiayaan dengan sistem hasil telah dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada Julai 2002. Pemerintah Daerah Kabupaten Siak telah menyediakan pembiayaan dengan sistem hasil bagi mengembangkan penternakan ikan air tawar.

Manakala skim kredit jentera pertanian telah dilaksanakan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada September 2002. Pemerintah telah memberikan pinjaman atau kredit kepada masyarakat desa untuk membeli jentera pertanian. Pinjaman tersebut digunakan untuk membeli berbagai-bagai jentera pertanian selaras dengan kepentingan masyarakat. Kemudahan yang diberikan oleh pemerintah untuk membolehkan masyarakat bagi mendapatkan pelbagai jentera pertanian dipandang sebagai program yang amat penting. Masyarakat desa tidak akan mampu membeli jentera-jentera pertanian secara bersendirian tanpa bantuan kerajaan atau mana-mana institusi kewangan.

Manakala tatacara pelaksanaan skim kredit haiwan ternakan hampir sama dengan skim kredit jentera pertanian. Tetapi suatu hal yang menarik yang dapat disimpulkan dalam mekanisme pelaksanaan skim berkenaan ialah kadar faedah (*interest*) yang bersifat menurun. Sekalipun kadar faedah (*interest*) yang

ditetapkan sebesar 3 peratus setahun, namun faedah (*interest*) 3 peratus tersebut disandarkan kepada baki pokok pinjaman. Skim berkenaan telah dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada Disember 2002. Skim tersebut diharapkan mampu meningkatkan dan mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi masyarakat di sektor penternakan.

Terakhir, skim pinjaman haiwan ternakan yang telah dijalankan oleh Pemerintah Daerah Kabupaten Siak pada Oktober 2002. Penulis dapat mengambil kesimpulan bahawa skim berkenaan mengamalkan prinsip tolong menolong. Tatacara pelaksanaannya amat mudah dan tidak memerlukan prosedur yang berbelit-belit. Peminjam tidak dikenakan sebarang caj atau biaya bagi mendapatkannya. Adapun haiwan-haiwan yang dipinjamkan tersebut ialah lembu, kambing dan itik.